# Pelajar UPM berbahasa Arab dalam program mobiliti di Mafraq

Oleh Azman Zakaria




LIHAT JUGA


Pelajar UPM berbahasa Arab dalam program mobiliti di Mafraq (/berita/pelajar_upm_berbahasa_arab_dalam_program_mobiliti_di_mafraq-56081)


Fakulti Kejuruteraan UPM Juara Badminton Piala TNC (Akademik & Antarabangsa UPM) (/berita/fakulti_kejuruteraan_upm_juara_badminton_piala_tnc_akademik_antarabangsa_upm-56079)


Program Jom Masuk Kampung semarak aktiviti sukarelawan (/berita/program_jom_masuk_kampung_semarak_aktiviti_sukarelawan-56077)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1584062792



BM

MAFRAQ (Jordan), 10 Mac: Tujuh belas pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang bahasa Arab menyertai pelbagai aktiviti pembelajaran dan latihan berbahasa Arab secara formal dan tidak formal sepanjang tempoh sebulan mengikuti Putra Arabiy Mobility Programme di Universiti Al-al-Bayt, Mafraq di sini, bermula 2 Februari lalu.

Empat belas pelajar Bacelor Sastera (Bahasa Asing) Pengkhususan Bahasa Arab dan tiga pelajar Master Sastera Bahasa Arab dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) itu, memanfaatkan peluang bernilai itu ke arah meningkatkan tahap kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Mereka diiringi Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Asing FBMK, Dr Nik Farhan Mustapha dan Ketua Seksyen di Pusat Pengurusan Waqaf, Zakat dan Endowmen UPM, Zuhaimi Abdul Rahim.

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Antara aktiviti yang disertai pada setiap Ahad hingga Khamis ialah latihan perbualan bahasa Arab harian mengikut pelbagai situasi di dalam dan luar kelas Pusat Bahasa Universiti, dari 8 hingga 11 pagi; komunikasi dua hala bersama para pelajar penutur jati Arab di luar bilik kuliah (11 pagi hingga 1 tengah hari); dan latihan kemahiran bertutur, mendengar syarahan dan taklimat pensyarah dari kalangan penutur jati Arab (1 tengah hari hingga 3 petang).

Pelajar Master Sastera Bahasa Arab dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM, Mohd Azrol Hafizi Azman, yang juga ketua kumpulan pelajar itu berkata, kemuncak sesi pembelajaran dan latihan itu ialah apabila mereka pada hari kelima diundang ke pusat Radio Suara Universiti (IzŪatu Sauti Al-JŪmi'at), Universiti Al al-Bayt untuk berkongsi reaksi dan pendapat mengenai Jordan serta pengajian mereka.



B1584062792





Katanya, pelajar Master Sastera Bahasa Arab, Ahmad Syahmi Mohamed, dipilih sebagai wakil membuat perkongsian mengenai pengalaman ahli delegasi dalam menyesuaikan diri dengan cuaca, persekitaran dan budaya masyarakat Arab Jordan khususnya di bandar Mafraq.

Radio berfrekuensi 103.5 *mh.z* itu dapat didengari masyarakat di bandar Mafraq serta sebahagian kawasan di Amman.






Mereka juga mengadakan lawatan ilmiah bagi meningkatkan pengetahuan mengenai cara hidup dan budaya orang Arab serta ke tempat bersejarah merenungi kisah tamadun terdahulu seperti lawatan ke Gua Ashabul Kahfi, melawat Laut Mati, serta makam Nabi Ayub dan makam Nabi Syu'aib.

Mohd Azrol Hafizi berkata, mereka turut melawat Wadi Ram dan Petra.

Petra adalah kota bersejarah dan tapak arkaeologi di Ma'an, kawasan pemerintahan Jordan. Petra dipercayai dibina sebagai ibu kota kerajaan Nabatene hasil seni pemotongan batu pada kurun keenam.

Kota bersejarah itu dipilih sebagai Tujuh Keajaiban Baru Dunia pada 2007 dan Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak 1985. Petra juga dipilih oleh British Broadcasting Corporation (BBC) sebagai satu daripada "40 tempat yang anda mesti lihat sebelum mati."

Mereka juga melawat Jerash, kota yang mempunyai tiga pintu utama dan dikatakan jika berada di dalam kota itu, seseorang diberi pilihan untuk keluar sama ada menggunakan pintu menuju Eropah, Palestin atau Makkah.

Mereka turut berkunjung ke Ajlun, yang menempatkan Istana Ajloun yang dibina oleh seorang tentera Salahuddin Al-Ayubbi pada 1184 untuk mengawal perlombongan besi dan menentang tentera Frankish yang ingin menceroboh Ajlun.

Mohd Azrol Hafizi berkata, mereka juga menjalankan beberapa program khidmat masyarakat di Mafraq, antaranya "Program Cinta Syria" dengan memberi bantuan makanan dan peralatan persekolahan percuma kepada pelajar Syria bagi menyuntik semangat mereka untuk terus belajar.

Program "Free Meals" pula diadakan bersama pelajar Malaysia Universiti Al al-Bayt dengan mengagihkan makanan percuma bagi mengeratkan lagi hubungan dan menyuburkan sikap tolong-menolong terhadap pelajar yang kurang berkemampuan. – UPM

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Tarikh Input: 11/03/2020 | Kemaskini: 11/03/2020 | hairul_nizam

#### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar_upm_berbahasa_arab_dalam_program_mobiliti_di_mafraq-56081&title=Pelajar%20UPM%20Berbahasa%20Arab%20Dalam%20Program%20Mobiliti%20Di%20Mafraq%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

#### HUBUNGI KAMI

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)

Agensi Kelayakan Malaysia

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

(http://www.mqa.gov.my/)

/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2019 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20190308094006TAKWIM_2019_1.pdf)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://www.reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1584062792